

19 NOV 1998

APEC-BERITA-RUMUSAN/I

MESYUARAT KL KEKALKAN APEC DI LANDASAN ASAL

Oleh: Tan Hock Guan

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Walaupun terdapat banyak ulasan negatif samada Sidang Kemuncak Pemimpin Apec tahun ini boleh menggerakkan prinsip kerjasama ekonomi yang lebih erat, keazaman pemimpin-pemimpinnya untuk terus memberikan tumpuan kepada isu tertentu telah memastikan perkumpulan serantau itu tidak lari dari tujuan asalnya.

Belbagai isu perbalahan yang timbul hampir menyebabkan sidang kemuncak ini tergelincir dari landasannya beberapa kali, tetapi pendirian penting yang diambil oleh Malaysia, tuan rumah kepada perhimpunan tahunan kali ini, menyaksikan persetujuan dicapai tentang banyak perkara.

Isu paling utama antaranya ialah perbincangan tentang bagaimana hendak menangani aliran modal jangka pendek dan krisis kewangan.

Campurtangan Amerika Syarikat dalam perkembangan dalaman Malaysia mencetuskan kemarahan dan desas-desus di luar sidang semasa mesyuarat pemimpin Apec itu. Bagaimanapun, pemimpin-pemimpin tersebut berjaya mengekalkan fokus mereka dan mengisi kebanyakan masa mereka membahaskan krisis kewangan dan memikirkan cara mengawal selia dagangan matawang.

Terdahulu, mesyuarat peringkat menteri hampir tidak menghasilkan apa-apa sehingga satu kompromi dicapai untuk membawa soal Liberalisasi Awal Sukarela Mengikut Sektor (EVSL) kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Walaupun tidak disebutkan dalam deklarasi pemimpin-pemimpin itu pada akhir mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa G-22, satu perkumpulan menteri-menteri kewangan, merupakan forum yang tepat bagi membincangkan soal mengawal selia dagangan matawang.

G-22, yang ditubuhkan tahun lalu untuk menangani krisis kewangan, terdiri daripada negara-negara perindustrian G-7 dan negara-negara membangun seperti Malaysia, Thailand, Indonesia, China, India dan Afrika Selatan.

Dr Mahathir memberitahu satu sidang akhbar pada hari terakhir mesyuarat itu bahawa Apec adalah satu organisasi yang disesuaikan bagi tindakan dalaman tetapi ia tidak boleh membuat keputusan bagi seluruh dunia.

Katanya pemimpin-pemimpin Apec mengakui bahawa isu dagangan matawang perlu diberikan perhatian segera.

"Penting diberikan perhatian segera adalah satu perkara tetapi memastikan segalanya bergerak dalam masyarakat antarabangsa adalah soal lain. Masyarakat antarabangsa agak berat dan tidak bergerak dengan cukup cepat," kata Dr. Mahathir.

"Saya rasa cara kita bergerak dianggap pantas berbanding dengan kepantasan biasa dalam membuat keputusan di peringkat antarabangsa."

Perdana Menteri Malaysia itu berkata Apec masih relevan dan mesyuarat di Kuala Lumpur ini berjaya tetapi menegaskan bahawa hasil-hasil bagi kejayaan masa depan masih belum diketahui.

Mesyuarat keenam pemimpin Apec itu telah berlangsung pada 17 dan 18 Nov manakala mesyuarat peringkat menteri Apec ke-10 diadakan pada 14 dan 15 Nov. New Zealand akan menjadi tuan rumah mesyuarat pemimpin dan menteri Apec pada tahun 1999.

Mesyuarat peringkat menteri yang diadakan sebelum mesyuarat pemimpin-pemimpin Apec itu juga tidak kurang dramatik dengan Jepun dan AS bertelagah mengenai EVSL.

EVSL, yang diilhamkan pada mesyuarat di Vancouver tahun lalu, mengenal pasti 15 sektor bagi pengurangan tarif untuk memudahkan perdagangan.

Sembilan daripadanya dikenal pasti bagi program pengurangan tarif dipercepatkan yang akan dilaksanakan pada tahun 1999.

Bagaimanapun, Jepun enggan membuka dua daripada sembilan sektor yang dikenal pasti itu, iaitu perikanan dan perhutanan.

AS menolak pakej yang dicadangkan bagi meneruskan pelonggaran tujuh sektor dan meninggalkan dua sektor tersebut.

Akhirnya, menteri-menteri berkenaan mengambil keputusan bahawa kesemua 16 negara anggota itu akan tetap melaksanakan EVSL mengikut kesanggupan masing-masing serta membawa kesemua sembilan sektor itu ke dalam proses WTO.

Ini merupakan kompromi yang tidak merugikan sesiapa, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia Datuk Seri Rafidah Aziz manakala menteri-menteri lain bersetuju bahawa itu adalah lebih baik daripada tiada apa-apa langsung.

Di bawah EVSL, Mexico dan Chile telah memilih untuk tidak turut serta dari mula lagi manakala tiga anggota baru - Peru, Rusia dan Vietnam - yang diterima masuk ke dalam Apec pada mesyuarat di Kuala Lumpur akan menyertainya kemudian nanti.

Mengenai kerelevanan Apec, Rafidah berkata bahawa EVSL merupakan program konkrit pertama yang telah dihasilkan oleh perkumpulan ini sejak penubuhannya pada tahun 1989.

"Saya terkejut semasa EVSL dicadangkan dan kemudian diluluskan tahun lalu memandangkan keputusan yang dibuat dalam Apec adalah berdasarkan sukarela dan kata sepakat," ujar beliau.

"Dan sekarang, kita bersetuju untuk berunding tentang pengurangan tarif."

Membawa EVSL ke dalam WTO, akan mendorong penyertaan yang lebih meluas, kata Rafidah.

Penyertaan yang lebih meluas itulah yang diinginkan oleh AS, kata Wakil Perdagangan A.S. Charlene Barshefsky, kerana ia akan menarik banyak negara yang kritis menyertai program ini. -- BERNAMA

THG KY JR